

**KEMBALI KEPADA FITRAH** oleh Dr Haji Mohd Farid Ravi Abdullah. Selangor: Firdaus Press, 2017. Halaman 175. ISBN 978- 967-15226-0-8.

Buku ini ditulis sebagai catatan pengalaman penulis dalam memeluk agama Islam. Penulis yang berasal dari keluarga berbangsa India merupakan ahli keluarga yang pertama memeluk agama Islam dari kalangan adik beradik beliau. Dr Haji Mohd Farid Ravi bin Abdullah yang berasal dari Kampung Sungai Choh, Rawang, Selangor kini merupakan salah seorang tokoh dakwah yang dikenali ramai di Malaysia. Penglibatan beliau di dalam dunia dakwah tidak asing lagi dari pengetahuan masyarakat tempatan mahupun antarabangsa. Beliau yang kini pengarah Pusat Pengajian Siswazah di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS selaku pengelola program pasca siswazah dan juga salah seorang pensyarah kanan yang berkecimpung di dalam bidang Tafsir Al Quran. Peranan penulis sebagai pendakwah bukan hanya sekadar tertumpu di tempat kerja beliau sahaja, Beliau juga menganggotai beberapa badan kerajaan mahupun NGO di dalam menyebarkan kefahaman agama Islam yang benar. Penjawatan beliau di dalam institusi seperti Institut Dakwah Islamiah PERKIM, Jawatankuasa Pemikir Wasatiah di Jabatan Perdana Menteri, Ahli Panel Kluster Politik dan Dakwah Majlis Perundangan Islam Malaysia, Nazir Masjid Al Mustaqim Bandar Seri Putra Kajang melayakkan beliau untuk menerima beberapa anugerah pengiktirafan dari pihak individu dan kerajaan. Antara anugerah yang diterima beliau adalah Anugerah Bintang Kebesaran Negeri Selangor, Tokoh Maal Hijrah Peringkat Negeri Selangor, Kesatria Mangku Negara, Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan.

Buku yang berjudul “kembali Kepada Fitrah” ini boleh disifatkan sebagai catatan memoir peribadi penulis selaku Muallaf yang memeluk agama Islam selepas meninggalkan ajaran Hindu yang diamalkan oleh keluarga beliau. Pelbagai cabaran dan onak duri yang ditempuhi penulis di dalam memperjuangkan pegangan Islam beliau menjadi isi kandungan utama yang diceritakan, namun bagi setiap kesukaran adanya jalan penyelesaian, penulis tidak lupa juga untuk menyelitkan babak-babak manis yang dialami beliau. Ianya menambahkan lagi kepelbagaiannya perasaan yang cuba diolahkan oleh penulis di dalam penulisan ini. Isi kandungan buku ini kebanyakannya disusun mengikut kronologi detik-detik kehidupan penulis dari waktu kecil sehingga dewasa. Penulis membahagikan isi kandungan buku ini kepada 8 buah bab dan 173 helai halaman.

Secara umumnya bab di dalam buku ini boleh dibahagikan pada tiga fasa. Fasa pertama merangkumi bab satu hingga bab tiga menceritakan tentang kehidupan kanak-kanak penulis yang membesar di Kampung Sungai Choh. Riang tawa warna warni kehidupan kanak-kanak penulis diselitkan di dalam bab ini. Babak bermain di sungai, menolong ibu menoreh getah, bermain bersama kawan antara yang diceritakan oleh penulis. Namun di sebalik riang tawa penulis sebagai kanak kanak kampung timbul sifat ingin tahu yang kuat di dalam diri beliau. “Ada apa di dalam masjid?” merupakan sebuah persoalan yang menjadi pembuka bicara penulis di dalam bab ini. Persoalan yang amat penting ini menjadi titik tolak perjalanan penulis untuk memeluk Agama Islam. Dengan berbekalkan persoalan ini bermula lah perjalanan “Jesiah Ravi Jacob” untuk menjadi “Mohd Farid Ravi Abdullah”. Masyarakat setempat turut memainkan peranan penting di dalam membantu penulis dalam memburu hasrat beliau untuk mengenali ajaran Islam. Watak-watak seperti Mazlan, Ustazah Rohana, Makcik Saunah, Pakcik Hashim antara yang dirakamkan penulis di dalam penceritaan ini. Hasrat penulis untuk mengenali ajaran islam mendapat tentangan dari ahli keluarga khususnya dari abang kandung beliau yang dipanggil dengan gelaran Anne` . Tindakbalas Anne` yang kerap membelaah penulis setiap kali mendapat khabar tentang

minat beliau untuk mendalami ajaran Islam menjadi salah satu babak yang mendebaran, ianya juga menggambarkan pengorbanan dan azam penulis untuk berpaut pada ajaran Islam yang benar meskipun ditentang oleh keluaga kandung sendiri. Jalan cerita pada bab ini mencapai kemuncaknya apabila akhirnya penulis memeluk Islam secara rasminya dan keislaman beliau diketahui penduduk kampung. Sejurus pulang ke rumah penulis dibelasah dengan begitu teruk sekali oleh abang beliau, lantas diminta untuk memilih antara keluarga beliau ataupun agama Islam yang baru beliau anuti. Tanpa ragu-ragu penulis telah memilih agama Islam lantas diusir dari rumah dan bermulalah fasa hidup baru beliau sebagai seorang muslim yang bakal mendepani pelbagai cabaran dan ujian yang mendatang.

Secara amnya, gaya penceritaan penulis di dalam bab ini amat menarik, penggunaan perkataan mudah dan pelbagai gaya bahasa yang berbeza menyerikan lagi jalan cerita bagi babak yang disampaikan. Gaya penyampaian yang menarik ini seakan menarik pembaca untuk menjawai setiap detik yang dialami penulis. Penulis kerap sekali menggunakan dialog perbualan di dalam penceritaan beliau, ianya digunakan di dalam memberi gambaran watak yang diceritakan seperti kata beliau "Amma mengantuklah...", "kalau kamu tak ikut siapa nak teman Amma?" Bahasa dialog antara penulis dan ibunya ini jelas menunjukkan keakraban hubungan penulis dan ibunya. Di dalam perbualan lain antara penulis dan abang beliau yang digelar Anne`:" Mana kau dapat buku ini?...kau belajar benda ni di sekolah? " belajar saja bukan apa pun tak boleh kah?..." jangan belajar lagi aku tak nak kau masuk kelas tu lagi! Faham?". Jelas sekali dialog ini menggambarkan hubungan yang berbeza antara penulis dan abangnya yang lebih cenderung kepada bersifat diingin dan tidak menunjukkan kemesraan antara kedua mereka.

Bahasa dialog juga digunakan penulis di dalam memberi gambaran suatu peristiwa suasana yang berlaku. Antara contoh yang boleh dilihat adalah perbualan penulis Bersama ibunya: "Ravi! Bangun" "Kenapa Amma?", "Cepat! Cepat! Sini!", "Ah! Pastinya harimau memburu babi hutan itu". Jelas penggunaan Bahasa dialog dan perbualan merupakan unsur yang mampu mendorong pembaca untuk menghayati jalan cerita yang diceritakan oleh penulis di dalam bab ini.

Manakala fasa yang kedua dari buku ini yang merangkumi bab empat dan lima menceritakan tentang penglibatan penulis di dalam aktiviti dakwah dan pengajian beliau. Sejurus diusir oleh keluarga beliau, penulis dekad membawa dirinya dan agama yang beliau anuti meninggalkan rumahnya. Penulis ditawarkan oleh PERKIM untuk mempelajari kursus asas agama Islam dengan penginapan dan makan minum yang ditanggung sepenuhnya oleh pihak mereka. Maka penulis mengambil keputusan menerima tawaran tersebut kerana ianya adalah peluang keemasan bagi beliau untuk mendalami ajaran Islam disamping menjadi bekalan utama di dalam penceburan beliau bidang dakwah dan agama. Setelah penulis menyelesaikan pembelajaran kursus asas agama Islam di PERKIM beliau menyambung pelajaran di Pusat Latihan Dakwah di Keningau Sabah. Sepanjang berada di Sabah penulis merakam beberapa pengalaman yang dialaminya. Antara yang disebut beliau adalah kepelbagai etnik dan suku kaum di Sabah, suku kaum seperti Timor yang seakan mirip warga Afrika yang berambut kerinting dan berbadan sasa menimbulkan kehairanan pada penulis sewaktu beliau berada di Sabah, ini kerana suku kaum Timor jarang dilihat di semenanjung Malaysia. Penulis juga tidak lupa untuk berterima kasih kepada warga Sabah yang menerima beliau dengan layanan yang amat istimewa, Ujar beliau "Akulah di antara tetamu bertuah yang dapat merasai kehidupan yang tenang di sana".

Pulang dari Sabah, penulis memohon untuk mendaftar masuk ke Institut Dakwah Islamiyah Perkim di Pangkalan Chepa Kelantan. Boleh dikatakan ini adalah titik mula bagi penulis untuk mencemburi bidang Dakwah secara praktikal dengan pelbagai aktiviti dakwah yang dianjurkan oleh Institut Dakwah Islamiyah di serantau Malaysia.

Kelihatan sudut penceritaan pada bab ini tidak menyentuh dengan secara langsung akan perihal keluarga penulis, bahkan watak-watak yang dibawa di dalam bab ini kebanyakannya yang bersifat sementara hanya sekadar untuk menyampaikan mesej yang dibawa penulis, iaitu mesej dakwah kepada agama yang benar dan tuhan yang benar Kerap sekali penulis membawa adegan dakwah beliau dengan beberapa individu tertentu seperti perbualan beliau dengan Tok Batin : “ Alhamdulillah Tok. Beginilah kuasa Allah. Dia hendak beri kita rezeki daripada macam-macam sumber, Bayangkanlah daripada pokok yang kurus sebegini boleh keluar getah yang banyak”. Begitu juga perbualan penulis dengan Risa seorang anak kacukan Orang Asli dan Cina: “Rasa kamu nak tahu tak apa kunci neraka? Kunci neraka ialah rantai salib yang kamu pakai itu...kunci syurga adalah Syahadah Laa Ilaha Illallah; tiada Tuhan selain Allah”. Mesej dakwah yang dibawa penulis ini bukanlah hanya disampaikan sekadar melalui penceritaan bahkan penulis turut memasukkan beberapa nasihat yang disampaikan buat para pembaca secara terus seperti kata beliau : “ ... Dalam hidup, semua yang berlaku ada hikmahnya. Kita manusia ini hanya mampu merancang.Percaturan Allah itulah yang paling sempurna”. Secara umumnya intisari bab ini menunjukkan perkembangan pemikiran penulis yang kian menjadi matang di dalam mendalami Ilmu Islam di samping permulaan perjalanan dakwah beliau di dalam masyarakat.

Fasa yang ketiga pada bab enam dan tujuh pula menyentuh tentang babak kehidupan baru penulis yang dilaluinya apabila penulis membuat keputusan untuk menyambung pelajaran beliau di peringkat ijazah. Penulis berjaya mendapat tawaran dari Universiti Al al-Bayt di Jordan di dalam bidang Usuluddin. Berbekalkan dengan semangat yang tinggi untuk mendalami Islam penulis memulakan perjalanan ke bumi Jordan. Namun untuk meneruskan pembelajaran di sana bukanlah sesuatu yang mudah kerana bekalan perbelanjaan yang kurang mencukupi dan kos sara hidup yang tinggi di Jordan. Sumbangan dari Pihak Zakat dan orang ramai membantu penulis sepanjang pengajian beliau di universiti. Sepanjang pengajian penulis sempat melibatkan diri di dalam aktiviti persatuan pelajar sehingga beliau dilantik menjadi Presiden Persatuan Pelajar Malaysia di universiti. Penglibatan penulis di dalam persatuan menjadi asbab pertemuan jodoh beliau dengan isteri beliau Suziana Mohd Soyong anak perempuan kepada seorang Cina Muallaf yang turut menjawat jawatan di dalam Persatuan Pelajar Malaysia di Universiti Al al bayt. Pertemuan penulis dengan isterinya seakan membuka semula penceritaan tentang ahli keluarga beliau yang tinggalkan pada bab-bab yang lepas. Penulis membuka semula bicara tentang keluarganya dengan sekadar menyatakan bahawa hubungan mereka sudah semakin pulih dan kini keluarga beliau sudah menerima keislamannya. Dengan hubungan yang baik ini mudahlah bagi penulis untuk mendapat restu keluarga beliau untuk melangsungkan rumahtangga dengan isterinya. Perkahwinan ini juga mampu mendekatkan lagi keakraban penulis dengan keluarganya, lantas membuka banyak peluang bagi beliau untuk mendakwah mereka kepada Islam. Impian penulis menjadi kenyataan apabila ibu beliau bersedia untuk menerima ajaran Islam lantas melafazkan dua kalimah Syahadah di Jabatan Agama Islam lalu diberi nama Siti Aminah.Tidak lama kemudian, abang penulis yang beliau gelar sebagai Anne juga memeluk Islam. Kedua mereka hanya hidup beberapa bulan selepas mengisyiharkan keislaman dan mereka dimandi dan dikebumikan di tanah perkuburan Islam.

Bab yang terakhir di dalam buku ini iaitu bab lapan menghimpunkan intisari perjalanan penulis di dalam memeluk islam. Ianya menggambarkan seakan akan penulis menoleh ke belakang mengenangkan perjalanan hidup beliau sebagai seorang muslim. Segala kenangan pahit manis yang dilalui beliau sepanjang keislaman beliau dirumuskan dengan beberapa perkara.

Perkara yang pertama adalah masjid. Tinggal di Kampung Sungai Choh sewaktu kecil penulis kerap melihat masjid yang berhampiran dengan rumah beliau. Baginya masjid adalah sebuah bangunan yang penuh dengan misteri, keinginan beliau untuk mengenali masjid mendorong beliau untuk mengenali ajaran Islam dan menjadi seorang Muslim. Penulis juga kerap berinteraksi dengan masjid sepanjang beliau memeluk Agama Islam bahkan pernah dilantik sebagai Khatib dan Imam di sebuah masjid di Kubang Kerian Kelantan.

Manakala perkara yang kedua yang membakar azam penulis untuk memeluk Islam adalah kisah para nabi. Kisah para nabi Allah yang sarat dengan ujian dan pancaroba menjadi sumber kekuatan bagi penulis untuk menggenggam erat agama Islam meskipun mendapat tentangan dari pelbagai pihak. Mendengar kisah nabi juga menjadi panduan bagi penulis di dalam mengharungi cabaran memeluk agama Islam, ketabahan pada nabi menjadi tauladan kepada penulis untuk menjadi lebih cekal ketika diuji sedangkan ujian para nabi itu lebih berat jika dibanding dengan apa yang dilalui penulis.

Perkara yang terakhir yang diajukan penulis adalah Al Quran. Boleh dikatakan Al Quran lah yang menjadi peneman setia penulis semenjak memeluk agama Islam. Penulis menceritakan dengan ringkas bagaimana beliau mula mempelajari Al Quran dengan hanya berguru seorang budak sekolah rendah di rumah Makcik Saunah. Pernah juga beliau ditolak beberapa guru daripada menyertai kelas mengaji, namun itu tidak pernah mematahkan azam penulis untuk memahirkan diri di dalam mendalami kitab Allah Taala. Berkat usaha dan doa penulis yang tidak pernah putus beliau telah dikurniakan Ijazah Sanad Al Quran bersambung ke Rasulullah SAW oleh Syeikh Mahmoud Abdul Qadir Idris ketika beliau melanjutkan pelajaran di Jordan. Kini penulis masih nekad untuk mendalami lagi Al Quran dan berazam untuk mengajarnya pada masyarakat. Penulis menutup penceritaan beliau di dalam buku ini dengan satu persoalan yang diungkapnya di permulaan bab satu dari buku ini dengan berkata “Semua ini tidak akan berlaku jika hatiku tidak dijentik oleh Allah suatu dahulu ketika aku tertanya-tanya ada apa di dalam masjid?”.

Secara keseluruhan, pengulas menyimpulkan bahawa buku Kembali Kepada Fitrah ini merupakan suatu karya yang amat bermakna. Setiap isi kandungan buku ini disampaikan di dalam bahasa yang mudah, ini kerana penulis mengelak dari penggunaan istilah yang rumit dan sukar difahami. Begitu juga dengan gaya bahasa yang santai dan bersahaja di dalam aspek penceritaan yang digunakan oleh penulis di dalam buku ini. Kedua-dua unsur ini menyumbang kepada pemahaman pembaca di dalam mendalam isetiap isi kandungan yang disampaikan penulis. Penulis juga kerap menggunakan unsur dialog diantara watak-watak yang didatangkan. Ini secara tidak langsung mampu merangsang daya imaginasi para pembaca di dalam menjawai babak babak yang diceritakan. Unsur dialog juga didapati lebih berkesan untuk mempamerkan kepelbagaiannya emosi yang terdapat di dalam diri penulis. Emosi ini boleh dilihat melalui perbualan antara penulis dan ibunya yang menunjukkan kasih sayang, manja, gembira yang cenderung kepada emosi kebahagiaan. Manakala perbualan beliau dengan abangnya menzahirkan sifat takut, hormat, murung yang lebih cenderung kepada jenis emosi yang dingin.

Selain penggunaan unsur dialog penulis juga banyak menggunakan monolog di dalam penceritaan beliau. Monolog dijadikan sebagai medium di dalam menyampaikan buah fikiran penulis seperti ujar beliau “Dalam hidup, semua yang berlaku ada hikmahnya. Kita manusia ini hanya mampu merancang.Percaturan Allah itulah yang paling sempurna”. Penulis juga kerap menggunakan Unsur Monolog di dalam menzahirkan perasaan yang terbukti di dalam hati beliau ini boleh dilihat di mana penulis meluahkan rasa syukur beliau “ Akulah di antara tetamu bertuah yang dapat merasai kehidupan yang tenang di sana”. Kombinasi unsur dialog dan monolog antara unsur yang utama di dalam merancakkan jalan cerita buku ini, di samping ianya menambahkan warna warni penyampaian yang diadaptasi penulis di dalam penceritaan beliau.

Manakala dari sudut isi kandungan, pengulas melihat isi kandungan setiap bab buku ini dibahagikan oleh penulis dengan jelas. Pembahagian bab yang diasingkan mengikut kronologi kehidupan penulis mencerminkan hajat beliau di dalam memastikan mesej yang muh disampaikan dapat diterjemahkan dengan jelas kepada pembaca. Di samping itu, penulis juga begitu cermat di dalam melihat watak-watak yang diperkenalkan pada setiap bab yang diceritakan. Tidak sekali pengulas melihat watak-watak yang dibawa di dalam penceritaan penulis dimasukkan dengan sia-sia tanpa tujuan yang jelas.Ini sekaligus membuktikan bahawa penulis amat mementingkan agar mesej yang beliau rakamkan pada setiap watak itu sampai pada pembaca dengan berkesan.Watak-watak seperti seperti Mazlan, Ustazah Rohana, Makcik Saunah,Pakcik Hashim membawa mesej kepentingan sifat tolong menolong sesama Islam, Manakala watak seperti Anne` membuktikan bahawa hidayah itu milik Allah, Bagaimana seseorang yang begitu keras hatinya di dalam menentang Islam dapat memprolehi petunjuk daripada Allah di penghujung hayatnya dan akhirnya meninggal dunia sebagai seorang Muslim.Demikian juga pada watak-watak lain yang dibawa pada bab-bab yang disusun di dalam buku ini, Setiap seorang dari watak-watak ini dijadikan sebagai pembawa mesej oleh penulis kepada pembaca agar ianya lebih menarik dan mudah difahami lalu menjadi suatu impak yang positif pada fikiran dan sanubari pembaca.

Selain itu, di dalam menceritakan keindahan Islam dan kepentingan hidayah yang merupakan sesuatu mesej yang bersifat umum pada semua lapisan masyarakat, penulis juga banyak memfokuskan mesej yang beliau khususkan pada golongan pendakwah. Ini mencerminkan hasrat penulis agar karya ini bukan hanya dijadikan sekadar buku cerita bahkan boleh menjadi rujukan untuk para Daie yang ingin membawa mesej Islam yang sebenar. Islam yang bersifat Rahmat bukanlah suatu agama yang sentiasa bersifat lembut di dalam segala situasi, akan tetapi Islam juga tegas di dalam batas-batas yang ditetapkan Allah SWT. Sebagai contoh perbualan beliau dengan Tok Batin : “ Alhamdulillah Tok. Beginilah kuasa Allah. Dia hendak beri kita rezeki daripada macam-macam sumber, Bayangkanlah daripada pokok yang kurus sebegini boleh keluar getah yang banyak”. Jelas kelihatan metodologi dakwah yang dibawa penulis bersifat lunak dan lembut di dalam mengajak orang bukan Muslim kepada Agama Islam. Pendakwah haruslah tidak sewenang-wenangnya melabel bukan Muslim sebagai Kafir dan memandang mereka dengan pandangan sinis serta menghukum mereka dengan alasan tidak menerima Islam.Sebaliknya, pendakwah haruslah bersifat lemah lembut dan belas kasihan pada bukan Muslim, ini kerana mereka juga saudara di dalam kemanusiaan, dan tanggungjawab pendakwah untuk mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya Islam, satu-satunya agama yang direhui pencipta Allah SWT.

Di samping kelembutan di dalam berdakwah penulis juga dilihat sebagai tegas di dalam situasi tertentu. Ketegasan beliau ini boleh dilihat di perbualan penulis dengan Risa seorang anak kacukan Orang Asli dan Cina: “ Risa kamu nak tahu tak apa kunci neraka? Kunci neraka ialah rantai salib yang kamu pakai itu...kunci syurga adalah Syahadah Laa Ilaha Illallah; tiada Tuhan selain Allah.

Sememangnya di dalam bab ketuhanan Allah SWT pendakwah haruslah bersifat tegas dan tidak mengambil ringan untuk menyampaikan mesej yang jelas pada bukan Muslim. Ini kerana ianya adalah batas antara kekufuran dan Islam iaitu di antara menyukutukan Allah dengan makhluk dan menyembahNYA sebagai satu-satunya tuhan yang layak disembah. Manakala di dalam situasi lain juga, penulis begitu tegas di dalam isu pengebumian ibu dan abang beliau. Meskipun ditentang oleh ahli keluarga yang berkeras untuk menguruskan jenazah ibu dan abang penulis mengikut agama Hindu, penulis tetap bertegas bahawa jenazah mereka diuruskan dengan cara Islam dan dikebumikan di tanah perkuburan Islam. Ketegasan penulis ini adalah demi menjaga kesucian agama Islam, dan batas-batas yang telah ditetapkan Allah SWT. Agama Islam telah menetapkan bahawa jenazah orang Islam wajib diuruskan dan dikebumikan dengan cara Islam meskipun baru memeluk Islam di dalam tempoh yang singkat, ini adalah arahan Allah Taala dan tidak sesekali boleh diambil ringan oleh para pendakwah.

Akhir kata, pengulas berpendapat bahawa karya “Kembali Kepada Fitrah” ini adalah suatu karya yang wajar dimiliki setiap lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang dan juga agama. Ini kerana ianya sarat dengan mesej tentang agama Islam sebagai agama yang benar. Karya ini juga merupakan sebuah karya yang mudah difahami dan menarik untuk dibaca lantas melayakkan ia untuk menjadi sumbangan pada masyarakat secara umum dan para pendakwah secara khusus.

**Muhammad Bin Hashimee**

Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan,  
Pusat Pengajian Teras,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.